

**Pengenalan :** KPM telah melaksanakan Dasar Pendidikan Wajib yang berkuatkuasa mulai Januari tahun 2003 dibawah Seksyen 29A, Akta Pendidikan 1996 [Akta 550] yang mewajibkan ibu bapa menghantar anak mereka ke sekolah mulai Tahun Satu (1). Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengenalpasti bahawa antara faktor keciciran di kalangan murid sekolah adalah disebabkan kemiskinan. Selaras dengan pelaksanaan dasar ini, satu Tabung yang dinamakan "Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin" ditubuhkan untuk membantu ibu bapa yang tidak berkemampuan menghantar anak mereka ke sekolah. Berdasarkan Surat Ikatan Amanah yang telah diluluskan Kementerian Kewangan pada 10 April 2003, sumber kewangan Tabung KWAPM diperolehi daripada peruntukan kerajaan dan sumbangan pihak luar.

**Objektif utama :** Memberi bantuan secara khusus kepada murid miskin warganegara Malaysia di sekolah kerajaan / sekolah bantuan kerajaan dari semua bangsa dan agama untuk mengelakkan keciciran, meningkatkan tahap pencapaian akademik serta menjana kecemerlangan murid secara menyeluruh.

#### Jenis dan Kadar Bantuan

Jenis dan kadar bantuan adalah seperti berikut :

MURID SEKOLAH RENDAH	MURID SEKOLAH MENENGAH
Bantuan Am Persekolahan* <b>RM100</b> bagi seorang murid setahun	Bantuan Am Persekolahan* <b>RM150</b> bagi seorang murid setahun
* Meliputi bantuan Pakaian Seragam / Bantuan Peralatan Sekolah dan keperluan persekolahan murid	
** Bantuan adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan Tabung KWAPM	

#### Kriteria Kelayakan Murid

- Murid Warganegara Malaysia yang bersekolah di Sekolah Rendah / Menengah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan (Tahun 1 hingga Tingkatan 1).
- Murid Miskin yang Ketua Isi Rumah (KIR) berdaftar dengan eKASIH dan disahkan status kemiskinannya sebagai MISKIN atau MISKIN TEGAR sahaja.
- Murid Miskin berstatus Orang Asli mengikut Akta 134, Akta Orang Asli 1954 (Pindaan 1974) dan kemiskinan Ketua Isi Rumahnya disahkan sebagai MISKIN atau MISKIN TEGAR oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

- Murid Miskin yang pendapatan keluarganya berada dibawah \*Paras Garis Kemiskinan (PGK) Nasional semasa seperti berikut :

PARAS GARIS KEMISKINAN (PGK) NASIONAL TAHUN 2014  
(RM / BULANAN)

WILAYAH	MISKIN		MISKIN TEGAR	
	ISI RUMAH (RM)	PERKAPITA (RM)	ISI RUMAH (RM)	PERKAPITA (RM)
SEMENANJUNG MALAYSIA	930	230	580	140
SABAH & LABUAN	1,170	250	710	150
SARAWAK	990	240	660	160

\*Nota : Sumber daripada unit Perancangan Ekonomi (EPU) JPM

- Murid **BUKAN** penerima apa-apa bantuan persediaan ke sekolah berbentuk kewangan daripada mana-mana pihak sama ada daripada kerajaan mahupun pihak luar.

- I. **Bagaimana anda boleh menyumbang ?**  
Mengkreditkan terus sumbangan atas nama **SUMBANGAN TABUNG KWAPM** terus ke akaun bank seperti berikut :

BANK	NO AKAUN
MAYBANK	564016117704

- II. Melalui **Skim Sumbangan Potongan Gaji Bulanan Secara Sukarela** dengan mengisi borang potongan gaji bulanan yang dilampirkan dan mengemukakan kepada Unit Kewangan di Kementerian / Jabatan / Agensi masing-masing.
- III. Melalui cek berpaling / wang pos / kiriman wang atas nama **Ketua Akauntan, Kementerian Pendidikan Malaysia** dan dialamatkan kepada :

Kementerian Pendidikan Malaysia
Bahagian Kewangan Aras 6-7, Blok E 12 Kompleks Kerajaan Parcel E Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62604 PUTRAJAYA
Tel : 08 8000 8000